



**TEKS UCAPAN  
YAB DATUK HAJI SULAIMAN BIN MD ALI  
KETUA MENTERI MELAKA  
SEMPENA  
SAMBUTAN HARI JURURAWAT SEDUNIA  
12 MEI 2020 (SELASA), 09.00 PAGI  
PUTRA SPECIALIST HOSPITAL MELAKA**

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**dan**

**Salam Sejahtera**

Yang Berhormat Tuan Rahmad bin Mariman,  
EXCO Kesihatan dan Anti Dadah Negeri Melaka;

Yang Berbahagia Datuk Wira Radhuana binti Salleh,  
Ketua Pegawai Eksekutif Putra Specialist Hospital Melaka;

Yang Berbahagia Datuk Hajah Kalsom binti Noordin,  
Ahli Lembaga Pengarah Putra Specialist Hospital Melaka;

Yang Berbahagia Datuk Ghafar bin Misdar,  
Setiausaha Khas (Hal Ehwal Masyarakat) kepada YAB Ketua  
Menteri Melaka;

Tuan-tuan dan Puan-puan; seterusnya para jururawat yang  
diraikan pada pagi ini.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana pada pagi ini dapat kita berkumpul di lobi Putra Specialist Hospital Melaka ini untuk meraikan Sambutan Hari Jururawat Sedunia yang disambut di seluruh dunia pada hari ini.

2. Pada tahun ini, berbeza berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya, tugas puan-puan atau tuan-tuan juga, ada tak jururawat lelaki di sini, di hospital ini?, kalau di hospital lain, sudah ada ramai jururawat lelaki, tugas anda semua dilihat cukup mencabar sekali bermula pada hujung tahun 2019 sehinggalah sekarang.

3. Berikutan wabak COVID-19 yang sudah menjadi pandemik di seluruh dunia, bebanan tugas dan kerja anda sebagai jururawat atau dulunya dipanggil sebagai misi, dilihat begitu berat sekali.

4. Betapa tidaknya, anda sebagai petugas pasukan kesihatan dan perubatan bersama-sama dengan para doktor, pembantu perubatan, ahli farmasi serta seluruh anggota kesihatan dan perubatan yang lain adalah benteng barisan hadapan (*frontliner*) negara yang bukan sahaja sanggup mempertaruhkan tenaga

dan kudrat, malah turut bertarung nyawa, semata-mata bagi memastikan negara kita dan negeri kita ini dapat membendung penularan wabak COVID-19.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian;

5. Tanpa komitmen dan disiplin diri yang tinggi para jururawat selain kesanggupan anda untuk melakukan pengorbanan termasuk meninggalkan keluarga dan anak-anak, malah sehingga ada yang mempertaruhkan nyawa sendiri, tidak mungkin negara dan negeri Melaka yang kita sayangi ini dapat

membendung penularan wabak COVID-19 dengan cukup berkesan sekali. Sehingga kini, perkembangan wabak COVID-19 di negeri Melaka ini semakin hari semakin bertambah baik apabila bilangan kes harian juga semakin berkurang, ada yang sifar. Keadaan ini menjadi bukti akan pengorbanan besar yang dilakukan oleh tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

6. Saya tahu, dalam apa juga peperangan, pasti ada jiwa yang terkorban. Begitu juga dalam kita menghadapi peperangan kesihatan terbesar di abad ini, iaitu perang terhadap makhluk bernama CORONA. Ada antara rakan-rakan sejawat anda yang

kehilangan nyawa semata-mata bagi memastikan negara dan negeri kita ini dapat membendung COVID-19.

7. Sesungguhnya, Kerajaan Negeri Melaka amat menyanjung tinggi jasa dan pengorbanan anda semua. Hanya ucapan terima kasih yang mampu kita lafazkan dan semoga jasa anda semua diberkati Allah SWT jua. Anda semua adalah wira dan wirawati yang tidak didendangkan.



8. Bagi pihak Kerajaan Negeri, teruskan tugas tuan-tuan dan puan-puan kerana kita masih belum menang dalam peperangan ini.

9. Pada kesempatan ini juga, suka saya menasihat dan mengingatkan anda semua supaya terus menjaga kesihatan dan keselamatan masing-masing kerana peperangan ini masih belum berakhir. Sebagai petugas barisan hadapan, kalian semua adalah benteng paling ampuh yang tidak boleh runtuh atau roboh. Kalau benteng sudah runtuh atau roboh, apalah yang tinggal lagi kepada kita.

10. Saya berdoa kepada Allah SWT semoga kalian semua sentiasa dilindungi oleh-Nya dan dapat melaksanakan tugas dan amanah berat ini dengan baik, insyaAllah.

11. Akhir kalam, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya melancarkan Sambutan Hari Jururawat Sedunia peringkat Putra Specialist Hospital Melaka pada pagi ini.

**Sekian. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**